

## Harian Metro 25 September 2019

## RINGAN BEBAN OKU

10 kerusi roda diserahkan kepada PKRM sempena Hari Amal Antarabangsa 2019

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib yusliza@hmetro.com.my

Kadangkala dalam mengharungi cabaran hidup, kita sering mengeluh dan berasakan dugaan yang diberikan kepada kita cukup besar. Sering kali juga kita terlupa bahawa ada insan lain yang diberi dugaan jauh lebih hebat tetapi menerimanya dengan tabah, apatah lagi golongan

kurang upaya (OKU).
Jadi, sudah sampai
masanya untuk kita
berhenti mengeluh
sebaliknya membuka mata
menčari peluang untuk
berbakti kerana itu adalah
antara cara yang boleh
meningkatkan rasa syukur
atas apa yang dinikmati.

Inilah dilakukan Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad yang menyumbangkan 10 kerusi roda kepada Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia (PKRM) dalam menyokong program Bantuan Kerusi Roda



RAYMOND menyerahkan kerusi roda kepada wakil BKRRM

Rakyat Malaysia (BKRRM) peringkat nasional sempena Hari Amal Antarabangsa 2019.

Sumbangan itu menyaksikan Sun Life Malaysia antara entiti korporat dan pertubuhan bukan kerajaan yang menyokong usaha PKRM untuk mendapatkan tajaan 1,200 kerusi roda untuk diedarkan kepada pesakit kronik, orang kurang upaya dan kurang bernasib baik, dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan kualiti kehidupan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden/Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew berkata, matlamat organisasi itu adalah untuk membantu rakyat Malaysia hidup lebih sihat dari segi fizikal, mental dan kewangan.

kewangan.
Justeru katanya,
sebagai badan korporat
yang bertanggungjawab,
pihaknya ingin memainkan
peranan membantu
meringankan beban
golongan yang kurang
berkemampuan dan yang

memerlukan supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik.

Sumbangan itu lanjutan daripada pengumuman Program Brighter Health Screening Sun Life Malaysia baru-baru ini dengan kerjasama Walnut Wellness, Roche Diagnostics (M) Sdn Bhd, AM PM Pharmacy Sdn Bhd, dan Tigas Alliance Sdn Bhd.

Menerusi program itu, sekurang-kurangnya 10,000 rakyat Malaysia di lapan negeri seluruh negara mendapat manfaat daripada pemeriksaan kencing manis percuma untuk menangani ancaman diabetes di Malaysia.

Syarikat itu mempunyai senarai inisiatif Jangkauan komuniti yang komprehensif dan berkembang yang memberi tumpuan kepada membawa kehidupan yang lebih baik kepada rakyat Malaysia dengan memperkasakan mereka mencapai keselamatan kewangan seumur hidup selain menjalani hidup lebih sihat.